

Berita Dalam Negeri

Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) baru-baru ini menerima pengiktirafan peringkat antarabangsa sebagai satu-satunya badan di dunia yang berdaya inovatif dalam memanfaatkan konsep sukuk bagi pembangunan wakaf. **Soraya Salim** mewawancara Presiden Muis, Haji Mohd Alami Musa, tentang kejayaan hasil usaha itu.

Pertama di dunia manfaat sukuk

Anugerah iktiraf sumbangan inovatif Muis sebagai badan berkanun



"Banyak nama besar yang dihadiahkan anugerah tersebut, yang disampaikan sendiri oleh seorang anggota keluarga diraja. Ia amat berprestij dan Singapura dan masyarakat Islam di sini amat berbesar hati dapat memenangi anugerah ini. Ia adalah bagi masyarakat Islam Singapura, bukan Muis."

— Haji Mohd Alami Musa, Presiden Muis.

TATKALA sukuk jarang digunakan sebagai instrumen kewangan di negara-negara lain lebih lima tahun lalu, sekumpulan individu di Majlis Ugama Islam Singapura (Muis) secara senyap memikirkan cara inovatif untuk memanfaatkannya.

Mereka dapat melihat potensi sukuk untuk mengumpul modal bagi pembangunan dua projek besar wakaf di Beach Road dan Bencoolen Street.

Di bawah konsep sukuk itu, wang atau modal dikumpul menerusi penubuhan bon musyarakah yang berdasarkan usaha niaga bersama, yang melaksanakan ijarah, iaitu penyewaan hartanah.

Keberanian mereka mencuba instrumen baru tersebut terbukti berhasil apabila ia berjaya menghasilkan modal sebanyak \$60 juta bagi dua hartanah wakaf itu.

Tanah wakaf di Beach Road kini menempatkan bangunan pejabat yang didiami oleh sekolah reka bentuk, Raffles LaSalle International.

Sementara itu, apartmen privet pula didirikan di atas tanah wakaf di Bencoolen, yang kini diuruskan pengendali khidmat apartmen, The Ascott Group.

Dianggap sebagai pelopor dalam penggunaan struktur sukuk, Muis Isnin

lalu merangkul anugerah antarabangsa berprestij di Forum Kewangan Islam Antarabangsa (IIFB), yang berlangsung di Dubai.

Forum tersebut di bawah naungan Naib Presiden yang juga merupakan Perdana Menteri Amiriah Arab Bersatu (UAE) dan Sultan Dubai, Sheikh Mohammed Bin Rashid Al-Maktoum.

Inisiatif Muis itu dipuji sebagai "badan berkanun yang pertama di dunia untuk mendirikan struktur sukuk yang inovatif membiayai pembangunan wakaf ketika sukuk tidak pernah didengar, dan kewangan Islam masih belum berkembang di Singapura".

Selain Muis yang mewakili Singapura, anugerah Sheikh Mohammed Bin Rashid Al-Maktoum itu dimenangi satu lagi syarikat Asia — Maybank Malaysia.

Daripada 30 pemenang anugerah tersebut, jumlah terbesar — sebanyak 20 — dimenangi oleh syarikat-syarikat Timur Tengah, termasuk Bank Islam Dubai dan Putera Al-Waleed dari perbadanan Kingdom Holdings Arab Saudi.

Ini diikuti dengan syarikat-syarikat Amerika dan Eropah, seperti Dow Jones dan The Financial Times.

Presiden Muis, Haji



foto Johari Rahmat

KEMENANGAN BERPRESTIJ: Kakitangan Muis yang telah terlibat dalam projek sukuk itu, (dari kiri) Syed Haroon Aljunied, Cik Shamsiah Abdul Karim, Encik Mohd Azam Abdul Aziz dan Encik Mohd Zahid Yacob, berbesar hati dengan kemenangan mereka di Dubai.

Mohd Alami Musa, menyifatkan kemenangan itu sebagai satu penghormatan besar yang harus di-anugerahkan kepada masyarakat Islam Singapura.

Ini kerana anggota masyarakat telah memberi sepenuh sokongan dan kepercayaan kepada Muis untuk memperkembangkan tanah wakaf yang mereka miliki.

Dalam wawancara ber-

sama *Berita Harian* kelmarin, beliau berkata:

"Banyak nama besar yang dihadiahkan anugerah tersebut, yang disampaikan sendiri oleh seorang anggota keluarga diraja.

"Ia amat berprestij dan Singapura dan masyarakat Islam di sini amat berbesar hati dapat memenangi anugerah ini. Ia adalah bagi masyarakat Islam

Singapura, bukan Muis."

Encik Mohd Alami menambah, kewangan dan perbankan Islam hari-hari semakin hangat diperkatakan dan dilaksanakan kira-kira tiga hingga empat tahun lalu, setelah kejadian 11 September.

"Namun, kami secara diam-diam dalam 2001 cuba membangunkan instrumen kewangan yang dipanggil bon musyarakah

atau sukuk ini sebelum ia popular atau dikenali ramai.

"Malah, Muis adalah majlis Islam yang pertama di dunia untuk memperkembangkan instrumen ini, yang baru kini cuba dipopularkan dalam dunia kewangan dan perbankan Islam," katanya lagi.

Tiga divisyen Muis telah terlibat dalam melancarkan inisiatif itu — unit

kewangan, wakaf dan zakat.

Setelah meraih kejayaan penuh bermakna itu, Muis berhasrat terus mencari peluang memperkembangkan tanah wakaf di Singapura.

Ia juga akan berusaha memperkembangkan instrumen kewangan Islam lain yang masih belum dimanfaatkan.